



JURNAL LINGUISTIK Vol. 25 (2) November 2021 (066-078)

Perkembangan Kamus Dwibahasa Bahasa Melayu – Bahasa Inggeris dari Perspektif Maklumat dalam Takrif

Hasnah Mohamad
hasnah_m@upm.edu.my

*Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,
 Universiti Putra Malaysia.*

Tarikh terima : 22 September 2021
Received
 Terima untuk diterbitkan : 4 Oktober 2021
Accepted
 Tarikh terbit dalam talian : 30 November 2021
Published online

Abstrak

Dunia perkamusan Melayu sentiasa berkembang semenjak zaman dahulu lagi. Antara contoh terbitan awal ialah Daftar Kata Melayu – Cina yang dikumpulkan sekitar tahun 1403-1511M. Seterusnya kamus berkembang dengan ditambah huraian tatabahasa, diikuti dengan huraian makna serta contoh penggunaan kata mengikut konteks. Kewibawaan sesebuah kamus dilihat pada ketuntasan aspek mikrostrukturnya, mencakupi kategori maklumat seperti takrif, maklumat linguistik, serta aspek mediostruktur. Kajian terdahulu yang ditelusuri didapati banyak memfokus pada aspek makrostruktur, namun masih kurang yang menyentuh aspek mikrostruktur, khususnya kategori takrif. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menghuraikan perkembangan perkamusan Melayu dwibahasa dari sudut maklumat dalam takrif. Objektif kajian adalah untuk membandingkan maklumat dalam entri *Dictionary of The Malayan Language* oleh William Marsden (1812) dan *Kamus Dwibahasa Longman* (2009); menghuraikan maklumat huraian makna dalam kedua-dua kamus dikaji; dan merumuskan persamaan dan perbezaan maklumat yang dipaparkan dalam kamus berkenaan. Data kajian mencakupi entri kategori kata nama dan kata adjektif dalam kedua-dua kamus yang dikaji. Pendekatan takrif tekstual digunakan untuk menghuraikan takrif, manakala perumusan takrif dibuat berpandukan prinsip perkamusan. Kajian ini memaparkan perkembangan perkamusan Melayu dwibahasa dari sudut maklumat dalam takrif, yang amat penting sebagai panduan untuk menghasilkan sebuah kamus yang berwibawa pada masa akan datang.

Kata kunci: Kamus, kamus dwibahasa, maklumat, takrif

Development of Bilingual Malay – English Dictionary from the Perspective of Information in the Definition

Abstract

Malay lexicography has always been thrived for a very long time. Among the first publications were in the form of list of words, such as Daftar Kata Melayu – Cina (compiled circa 1403-1511M). Eventually, the list of words or dictionary then developed to include the grammatical description and latter contain the description of the meaning or definition as well as examples of word usage based on context. The authenticity of a dictionary is reflected in comprehensiveness of its microstructural aspects, encompassing categories of information such as definitions, linguistic information that includes etymology, grammar, syntax, examples of word usage, and mediodstructural aspects such as cross-references. Many of previous studies had been focused on the aspects of macrostructure that is arrangement of the dictionary entries, while specific aspects of microstructure, particularly the category of definition had been neglected. Thus, this study aims to describe the development of bilingual Malay lexicography from the perspective of information in the

definition. The objective of this study is to identify the information in the Dictionary of The Malayan Language by William Marsden (1812) and Longman's Bilingual Malay-English dictionaries' entries as well as to summarize the similarities and differences of the information presented in the dictionaries across time. Data for this study are entries of noun and adjective category in the Dictionary of The Malayan Language Dictionary by William Marsden (1812) and the Longman's Bilingual Malay-English Dictionary (2010). The textual definition approach is used to define the definitions, while formulation of definition is explained by the principle of familiarity. This study describes the development of bilingual Malay lexicography from the perspective of information in the definition, that is crucial to produce a reliable and trustworthy dictionary.

Keywords: Dictionary, bilingual dictionary, information, definition.

1. Pengenalan

Sejak bermulanya tradisi penulisan, penyusunan kamus merupakan salah satu agenda penting dalam perancangan sesebuah bahasa. Dunia perkamusan Melayu sentiasa berkembang pesat semenjak zaman dahulu lagi dengan terbitan awal dalam bentuk daftar kata, contohnya Daftar Kata Melayu – Cina yang dikumpulkan sekitar tahun 1403-1511M. Seterusnya kamus berkembang menjadi bentuk yang mempunyai huraian tatabahasa dan berikutnya dilengkapi dengan huraian makna atau takrif serta contoh penggunaan kata mengikut konteks berkaitan. Kewibawaan sesebuah kamus dilihat pada ketuntasan aspek mikrostrukturnya, mencakupi kategori maklumat seperti takrif, maklumat linguistik mencakupi etimologi, tatabahasa, sintaksis, dan contoh penggunaan kata, serta aspek mediostruktur seperti rujuk silang. Kajian terdahulu didapati banyak yang memfokus pada aspek makrostruktur iaitu penyusunan entri kamus, namun masih kurang yang menyentuh secara khusus pada aspek mikrostruktur kamus. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti maklumat yang terkandung dalam entri kamus *Dictionary of The Malayan Language* oleh William Marsden (1812) (KWM) dan *Kamus Dwibahasa Longman* (Kamus Bahasa Malaysia – Bahasa Inggeris; Bahasa Inggeris – Bahasa Malaysia) (2009) (KDL), berikutnya menghuraikan persamaan dan perbezaan maklumat yang dipaparkan, dan seterusnya merumuskan persamaan dan perbezaan takrif dalam kedua-dua kamus berkenaan.

Penghuraian aspek mikrostruktur kamus ini dibuat dengan berlandaskan kategori maklumat linguistik mengikut Hartmann & James (1988). Maklumat linguistik ialah kategori maklumat yang paling penting, selain maklumat piktorial, maklumat onomastik, maklumat ensiklopedia, dan maklumat-maklumat lain. Hartmann & James (1988) membahagikan maklumat linguistic kepada empat kategori, iaitu maklumat diakronik, maklumat sinkronik, maklumat huraian makna, dan maklumat unsur diasistem.

1.0 Maklumat diakronik

Maklumat diakronik ialah maklumat penggunaan bahasa yang dikaitkan dengan perkataan atau frasa berdasarkan tempoh waktu tertentu dalam sejarah sesebuah bahasa. Maklumat ini dinyatakan dengan pelabelan waktu penggunaan sesuatu perkataan secara kronologi, iaitu arkaik, usang, serta tumpuan khusus pada etimologi. Maklumat berkaitan etimologi termasuklah penjelasan tentang asal usul perkataan; huraian bentuk variannya; huraian asal usul dari segi fonetik; padanan atau persamaan dengan bentuk kata suatu bahasa lain, atau unsur dalam bahasa lain; rujukan daripada sumber luaran seperti kamus bahasa asing untuk pelbagai penjelasan, contohnya penjelasan sejarah. Tujuan utama memuatkan maklumat etimologi dalam kamus adalah untuk menyediakan maklumat tentang sejarah sesuatu bahasa serta untuk memenuhi fungsi kamus sebagai perakam budaya penuturnya. Justeru, kamus juga merupakan bukti sejarah bagi budaya sesuatu bahasa dan dapat dikaitkan dengan budaya lain.

2.0 Maklumat sinkronik

Maklumat sinkronik pula merujuk pada penggunaan bahasa mengikut semasa, mencakupi aspek ejaan, sebutan, dan tatabahasa. Aspek ejaan ialah cara huruf-huruf disusun menjadi bentuk perkataan yang bermakna. Aspek sebutan pula mencakupi pemberian lambang tertentu kepada sesuatu huruf untuk membimbing pengguna melafazkan perkataan secara yang betul. Aspek tatabahasa pula mencakupi morfologi dan sintaksis. Morfologi termasuklah aspek bentuk kata dan golongan kata manakala sintaksis pula mencakupi bentuk frasa atau ayat. Tujuan utama pemasukan maklumat sinkronik adalah untuk membantu pengguna berkaitan ejaan sesuatu kata, bentuk-bentuk terbitan serta golongan kata, serta untuk menunjukkan penggunaan sebenar sesuatu kata dalam teks.

3.0 Maklumat huraian makna

Maklumat huraian makna merujuk pada usaha untuk memberikan makna kepada sesuatu perkataan dan membezakannya daripada perkataan lain. Maklumat huraian makna juga mencakupi sinonim, antonim, hiponim dan polisemi. Keempat-empat gejala ini melibatkan penggunaan bahasa secara paradigmatis, iaitu penggantian perkataan secara menegak dalam sesuatu ayat. Berikutnya ialah hubungan makna antara perkataan yang dilihat secara horizontal atau sintagmatik, antaranya dalam contoh penggunaan kata entri dalam frasa atau ayat, hubungan kolokasi, dan idiom.

Beberapa pertimbangan diambil kira dalam menyediakan huraian makna, iaitu (a) kesesuaian huraian berdasarkan pengguna, sama ada masyarakat umum atau golongan tertentu seperti pelajar; (b) pemilihan perkataan dalam huraian sepatutnya tidak mengandungi perkataan yang sukar difahami; (c) kesejajaran huraian dengan golongan perkataan yang dihuraikan; (d) mudah, ringkas, dan tidak taksa; (e) selain menerangkan makna, huraian juga sepatutnya menunjukkan cara penggunaan perkataan yang betul.

4.0 Maklumat unsur diasistem

Maklumat unsur diasistem merujuk pada label penggunaan bahasa, misalnya label status berdasarkan faktor temporal seperti slanga, standard, substandard; status berdasarkan stilistik seperti arkaik, kuno; bidang khusus seperti bio; variasi sosial, seperti bahasa percakapan, bahasa kasar; dan diatopik, seperti variasi dialek, Kd (Kedah), Sb (Sabah).

Kajian ini juga melibatkan huraian makna yang dibincangkan berlandaskan pendekatan takrif tekstual. Pendekatan takrif tekstual memfokus pada dua aspek, iaitu intensi dan bentuk takrif (Seppala, S, Ruttenberg, A & Smith, B, 2017). Intensi mencakupi kandungan atau makna yang dihuraikan mengikut semasa, termasuklah contoh-contoh yang berkaitan pada masa tersebut. Berikutnya ialah bentuk takrif yang berbentuk teks dalam bahasa tertentu dan disertai peraturan tertentu untuk mengungkapkan makna berkaitan. Pendekatan takrif tekstual mempunyai struktur yang terdiri daripada tiga bahagian, iaitu;

- i. Definiendum – merujuk pada istilah yang ditakrifkan;
- ii. Definien – bahagian yang mengungkapkan makna entri atau dikenali sebagai takrif atau huraian makna dalam kamus;
- iii. Kopula – yang mengungkapkan kesetaraan antara definiendum dengan definien.

Contohnya,

- (1) *A ligament is a dense regular connective tissue connecting two or more adjacent skeletal elements.* (bentuk linguistik, ayat)

Dalam contoh bentuk linguistik ayat (1) “ligament” ialah *definiendum* yang dihubungkan dengan *definien*, iaitu “*a dense regular connective tissue connecting two or more adjacent skeletal*

elements”; dengan *is* sebagai kopula. Secara ringkasnya, bentuk yang akan muncul dalam kamus ialah definien, iaitu;

(2) *Dense regular connective tissue connecting two or more adjacent skeletal elements.*

Definien pula dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu genus dan ciri pembeza. Dalam contoh bentuk linguistik (2), genus dan ciri pembeza ialah;

Genus – *connective tissue* – yang merupakan kata utama dalam penghuraian makna;

Ciri pembeza – *dense, regular and connecting two or more adjacent skeletal elements*. Ciri pembeza menghuraikan ciri-ciri yang ada pada definendum dan menunjukkan perbezaannya dengan istilah-istilah lain yang di bawah genus yang sama.

Secara umumnya, kajian ini memaparkan perkembangan perkamusan Melayu dwibahasa dari sudut maklumat dalam entri dan perkembangan takrif, yang amat penting untuk dijadikan panduan dalam menghasilkan sebuah kamus yang berwibawa.

Permasalahan Kajian

Penerbitan kamus dan bahan rujukan lain berkaitan bahasa Melayu semakin meningkat semenjak bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa pengantar di sekolah (Nik Safiah, 2013). Pelbagai jenis kamus telah diterbitkan untuk memenuhi keperluan pelbagai jenis pengguna bahasa, seperti masyarakat umum, pelajar, penulis, wartawan serta penterjemah. Pada umumnya, kemajuan dari segi penghasilan kamus baik dari segi jumlah mahupun kepelbagaiannya telah pun dicapai, contohnya penerbitan pelbagai kamus oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) seperti beberapa edisi Kamus Dewan serta paling terkini ialah Kamus Dewan Perdana yang diterbitkan pada tahun 2020. Namun demikian, kejayaan yang sama dari segi bidang ilmunya masih agak terkebelakang. Perbincangan ilmiah tentang kamus dan perkamusan tidaklah serancak perbincangan tentang aspek-aspek lain bahasa Melayu. Selain itu, bahan rujukan ilmiah juga tidak banyak yang memberikan gambaran tentang perkembangan perkamusan Melayu di negara ini (Nik Safiah, 2013). Selain itu, penelitian terhadap *Dictionary of The Malayan Language* oleh William Marsden (1812) perlu dibuat memandangkan abad ke-19 merupakan abad bahasa Melayu mengalami perubahan besar kerana kuasa kolonial mulai menapak kukuh di Alam Melayu yang menyebabkan bahasa Melayu turut menerima kesannya (Nazilah Mohamad et.al, 2017). Perbandingan dengan kamus abad ke-20 yang mempunyai ciri unik wajar dilaksanakan untuk melihat perkembangan ilmu leksikografi Melayu. *Kamus Dwibahasa Longman* (2009) menyediakan pelbagai kategori kata yang mencukupi dengan makna polisemi dan pelbagai ciri lain yang menjadi nilai tambah. Pemasukan entrinya juga disusun dengan menghimpunkan kata dasar berserta kata turunan dalam satu kelompok. Ringkasnya, kamus ini memuatkan pelbagai ciri yang sesuai untuk dibandingkan dengan Kamus oleh Marsden bagi memaparkan perkembangan perkamusan Melayu.

2. Sorotan Literatur

Kajian yang memberikan gambaran tentang perkembangan perkamusan di negara ini masih belum begitu meluas dilakukan, walaupun tidak dinafikan bahawa terdapat kajian yang mengkaji bentuk-bentuk awal bahasa Melayu yang terakam dalam kamus-kamus terdahulu, misalnya kajian oleh Rahim (1998), Mashudi (2009) dan Nor Azizah (2019). Ketiga-tiga pengkaji tersebut mengkaji aspek morfologi, sintaksis dan semantik dalam Kamus Thomas Bowrey (1701). Secara umumnya, ketiga-tiga dapatan kajian tersebut amat menyumbang terhadap perkembangan ilmu perkamusan di negara ini.

Kajian Nik Safiah (2013) menghuraikan pelbagai karya tentang perkamusan Melayu, termasuk karya oleh penulis tempatan yang kurang mendapat perhatian, di samping karya oleh orang asing.

Hasil penyelidikan ini bertujuan menimbulkan minat lebih ramai pelajar terhadap bidang perkamusan. Berikutnya ialah kajian tindakan oleh Nor Hashimah (2018) yang bertujuan untuk mendedahkan ilmu leksikografi dari segi teori dan praktis kepada pelajar. Hasil kajian Nor Hashimah memaparkan bahawa pelajar mampu mengaitkan antara teori leksikografi dengan praktis penyusunan kamus. Kajian oleh Nor Azizah (2019) pula mengkaji aspek ortografi dan fonologi, serta aspek morfologi dan maklumat etimologi dalam Kamus Thomas Bowrey (1701). Hasil kajian Nor Azizah menunjukkan bahawa sejak 400 tahun dahulu lagi bahasa Melayu sudah pun mencapai ciri bahasa Melayu moden dan telah digunakan dalam urusan perniagaan, urusan rasmi kerajaan serta lapangan sosiobudaya masyarakat Melayu. Ringkasnya, kajian berkaitan perkembangan perkamusan Melayu telah ada dijalankan, namun perlu dipergiat dan diperluas demi mengangkat perkamusan Melayu ke taraf global.

Kajian berikutnya pula oleh Anida Nasuka et al. (2013), membincangkan konvensi leksikografi untuk dua buah kamus dwibahasa, iaitu kamus *Milenium Baru Dwibahasa* dan kamus *Dwibahasa Oxford Fajar*. Kajian ini tertumpu kepada objektif untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan kamus dwibahasa tersebut dalam membantu penterjemah. Kerangka kajian yang digunakan oleh pengkaji adalah berdasarkan kepada penggunaan prinsip-prinsip umum leksikografi dengan berpandukan ulasan Béjoint (1994). Data yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan kaedah kualitatif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kamus *Milenium Baru Dwibahasa* kurang membantu penterjemah dalam menterjemahkan petikan teks bahasa Inggeris, berbanding dengan kamus *Dwibahasa Oxford Fajar*. Hal ini kerana terdapat banyak kelemahan berkaitan prinsip umum leksikografi pada kamus tersebut.

M. Romdon Asy'ari dan Anna Dewanti (2015) membuat kajian perbandingan dua jenis kamus, iaitu kamus ekabahasa dan kamus dwibahasa. Dalam kajian tersebut, pengkaji membandingkan kedua-dua kamus ini untuk mengetahui kesan penggunaan kedua-duanya dalam kursus penulisan yang dijalankan kepada pelajar sekolah menengah atas. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dengan menggunakan dua jenis ujian; iaitu pra ujian dan pasca ujian dan pengiraan data menggunakan ujian t untuk mengira perbezaan yang signifikan antara ujian tersebut. Hasil kajian menunjukkan bahawa kedua-dua kamus yang dikaji tidak ada perbezaan yang ketara. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa kedua-dua kamus sangat membantu pelajar dalam membuat ujian penulisan, walaupun hasilnya menunjukkan bahawa kedua-dua kamus tidak begitu ketara meningkatkan skor pelajar. Kedua-dua kajian Anida Nasuka et al. (2013) serta kajian M. Romdon Asy'ari dan Anna Dewanti (2015) didapati menjurus kepada aspek sosiolinguistik, iaitu kesan penggunaan kamus terhadap pengguna.

Kajian oleh Mohamad Suhaizi Suhaimi dan Nazri Mustapha Dawan (2018) pula bermatlamat untuk menghuraikan fungsi struktur mega, makro dan mikro yang terdapat dalam *Kamus Pembaca Inggeris-Melayu*. Kajian menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah analisis dokumen. Hasil kajian menghuraikan secara terperinci struktur mega, makro dan mikro yang terdapat dalam *Kamus Pembaca Inggeris-Melayu* yang dapat membantu menyelesaikan kekeliruan dalam pemilihan rujukan terbaik kamus. Kajian ini mirip kepada kajian yang dilakukan oleh penulis, namun kajian ini menumpukan penelitian terhadap ketiga-tiga struktur kamus tanpa membuat perbandingan.

Seterusnya, kajian struktur kamus dwibahasa juga telah banyak dilakukan oleh pengkaji lepas, seperti kajian Adisti Dwi Utami et al. (2019) yang menghuraikan leksikografi dalam kamus perniagaan dwibahasa Perancis-Indonesia, iaitu struktur makro dan mikro kamus berkenaan. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti keperluan pelajar terhadap kamus perniagaan. Kajian ini menggunakan kaedah deskriptif kualitatif dan data diperoleh daripada prosedur leksikografi serta soal selidik kepada pelajar yang mengikuti kursus Perniagaan Perancis di salah sebuah universiti di Indonesia. Hasil kajian menunjukkan bahawa pelajar memerlukan kamus perniagaan Perancis-Indonesia dan pemilihan keperluan adalah berdasarkan penghuraian struktur mikro kamus tersebut. Kajian ini mempunyai kaitan dengan kajian penulis dari segi penghuraian struktur kamus.

Berikutnya ialah kajian Intan Safinaz Zainudin et al. (2014) yang membincangkan makna dan padanan entri "mengambil" dalam dua kamus dwibahasa Melayu-Inggeris, iaitu *Kamus Intelek Malay-English Dictionary* dan *Kamus Perwira Bahasa Melayu-Bahasa Inggeris*. Entri "mengambil" daripada kedua-dua kamus dwibahasa ini didapati tidak lengkap daripada segi pembahagian maknanya apabila dibandingkan dengan kamus rujukan, iaitu Kamus Dewan Edisi Keempat. Kajian ini menerapkan pendekatan teori *Frame Semantics* berserta dapatan bukti korpus UKM-DBP. Analisis berlandaskan teori *Frame Semantics* telah mengenal pasti makna ranah berdasarkan bukti korpus bersama maklumat valensi yang membezakan ranah-ranah tersebut. Analisis menunjukkan bahawa pemetaan ranah bahasa Melayu dan ranah bahasa Inggeris daripada FrameNet membawa kepada padanan bahasa Inggeris yang lebih sesuai untuk entri kamus yang akan dicadangkan. Kajian ini menunjukkan bahawa penerapan teori *Frame Semantics* berjaya menyusun semula sense kata yang dikaji (iaitu "mengambil") menjadi entri kamus yang lebih tersusun dan mantap dari segi penyusunan makna dan padanan bahasa Inggeris yang lebih sesuai.

Seterusnya, kajian oleh Nor Azhan Norul 'Azmi (2017) pula dijalankan untuk meneliti setiap makna, fungsi, jenis, laras bahasa dan gaya terjemahan kata partikel dengan menggunakan kaedah kualitatif melalui analisis dokumen terhadap *Kamus Idris Al-Marbawi* (KIAM) dan *Kamus Besar Arab Melayu Dewan* (KBAMD). Kajian perbandingan antara kedua-dua kamus ini menghasilkan maklumat baharu tentang terjemahan oleh penyusun yang berbeza era dan zaman. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penyusun kamus KBAMD yang menggunakan laras bahasa moden yang berbeza sama sekali dengan KIAM yang menggunakan laras lama dan bersifat klasik kerana penggunaan bahasa adalah mengikut percakapan dan penulisan orang yang hidup sezaman dengan penyusun kamus tersebut. Kajian perbandingan ini memaparkan persamaan dan perbezaan penulisan kamus daripada pelbagai sudut termasuklah laras serta contoh-contoh dalam penyediaan maklumat takrif kamus.

Kajian yang dilakukan oleh Lee Pin Ling dan Goh Sang Seong (2020) pula melibatkan perbandingan persamaan dan perbezaan kata kerja berimbuhan meN- dan padanannya dalam bahasa Cina. Korpus kajian ialah Kamus Umum Bahasa Melayu-Cina Serba Baru (2015). Kajian ini bertujuan meninjau aspek bandingan linguistik bagi kata kerja berimbuhan meN- dan padanannya dalam bahasa Cina untuk mengetahui aspek perbezaan dan persamaan kedua-dua bahasa tersebut sama ada mengganggu pemahaman dan pemerolehan bahasa Melayu oleh pengguna kamus. Kajian ini juga menawarkan rujukan bagi penyediaan padanan dalam kamus dwibahasa Melayu-Cina. Kajian ini menggunakan teori bandingan interlingual, teori Hartmann tentang leksikografi, serta pendekatan Nik Safiah et.al tentang kata kerja dan imbuhan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengimbuhan, pemajmukan dan penggandaan berlaku pada kata kerja berimbuhan meN- dalam bahasa Melayu. Dalam bahasa Cina pula, cara penerbitan kata ialah penggandaan dan pemajmukan. Kajian ini mengusulkan beberapa cadangan penambahbaikan Kamus Bahasa Melayu-Bahasa Cina, iaitu penyusunan sense yang jelas bagi kata kerja berimbuhan meN- dengan imbuhan berlainan sense bagi kata kerja berimbuhan meN- yang berlainan alomorf dan berlainan makna disusun dan dipisahkan dengan jelas, penyediaan deskripsi makna atau padanan serta contoh penggunaan yang dapat memaklumkan pengguna tentang sifat "transitif atau tak transitif" kata kerja berimbuhan meN- dan penyediaan deskripsi yang dapat memberikan pengetahuan tentang sifat "menerima objek nyawa atau tak bernyawa" suatu kata kerja berimbuhan meN-. Ringkasnya, kajian ini memfokuskan aspek imbuhan berdasarkan objektif kajian yang ditetapkan.

Penelitian terhadap kajian lepas menunjukkan bahawa kajian perkamusan Melayu yang membincangkan aspek mikrostruktur kamus secara menyeluruh masih agak kurang. Kebanyakan kajian hanya menyenaraikan sebahagian aspek mikrostruktur sahaja seperti kajian Mohamad Suhaizi Suhaimi (2018) dan kajian Adisti Dwi Utami et al. (2019). Selain itu, ada yang memfokuskan penghuraian aspek kata atau entri dalam kamus dwibahasa seperti kajian Intan

Safinaz Zainudin et al. (2014), Nor Azhan Norul 'Azmi (2017) dan Lee Pin Ling (2020). Ada juga yang menumpukan kajian kamus dwibahasa untuk tujuan tertentu seperti pembelajaran dan penterjemahan iaitu Anida Nasuka et al. (2013) dan M. Romdon Asy'ari (2015). Di samping itu, kebanyakan para pengkaji tidak membuat penelitian terhadap kamus Marsden. Kamus Marsden penting dibuat penelitian kerana abad ke-19 merupakan abad bahasa Melayu mengalami perubahan besar kerana kuasa kolonial mulai menapak kukuh di Alam Melayu yang menyebabkan bahasa Melayu turut menerima kesannya. Oleh itu, kajian ini akan menghuraikan perkembangan perkamusan Melayu dwibahasa dari sudut maklumat dalam takrif.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti maklumat yang terkandung dalam entri kamus *Dictionary of The Malayan Language* (William Marsden) (1812) dan *Kamus Dwibahasa Longman* (2009), serta merumuskan persamaan dan perbezaan maklumat yang dipaparkan dalam kamus berdasarkan prinsip perkamusan.\

3. Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian yang meneliti data dalam bahan perkamusan Melayu abad ke-19 dan abad ke-20. Bahan perkamusan Melayu abad ke-19 ialah *Dictionary of The Malayan Language* (William Marsden) (1812) (KWM), manakala bahan perkamusan Melayu abad ke-20 ialah *Kamus Dwibahasa Longman* (2009)(KDL).

Pemilihan data dibuat mengikut turutan entri huruf Jawi abjad alif yang mengandungi 427 entri dalam KWM. Entri dipilih secara rawak setiap selang tiga entri daripada golongan kata nama dan kata adjektif. Entri yang dikumpulkan kemudiannya dibandingkan dengan entri dalam KDL. Oleh sebab kajian ini melibatkan perbandingan entri kedua-dua kamus KWM dan KDL, maka hanya entri yang terdapat dalam kedua-dua kamus tersebut sahaja yang akan dipilih sebagai data kajian. Maklumat dalam takrif entri daripada kedua-dua kamus tersebut seterusnya akan dibandingkan untuk diteliti dan dibuat penghuraian persamaan dan perbezaannya. Perbandingan maklumat dalam kedua-dua kamus ini seterusnya dimasukkan ke dalam jadual. Sebanyak 15 entri dipilih secara rawak untuk tujuan penghuraian terperinci data kajian, iaitu maklumat linguistik dalam dua kamus yang dikaji. Berikutnya, penghuraian terperinci data kajian dianalisis berpandukan kategori maklumat linguistik berlandaskan Hartmann & James (1988). Terdapat empat jenis maklumat dalam kategori maklumat linguistik, iaitu maklumat diakronik; maklumat sinkronik; maklumat huraian makna; dan maklumat unsur diasistem. Kategori maklumat linguistik dipilih kerana kategori ini ialah kategori yang paling penting, selain maklumat piktorial, maklumat onomastik, maklumat ensiklopedia, dan maklumat-maklumat lain (Hartmann & James, 1988).

Seterusnya, huraian makna data kajian ini pula dibincangkan berlandaskan pendekatan takrif tekstual. Pendekatan takrif tekstual memfokus pada dua aspek, iaitu intensi dan bentuk takrif (Seppala, S, Ruttenberg, A & Smith, B, 2017). Intensi mencakupi kandungan atau makna yang dihuraikan mengikut semasa, termasuklah contoh-contoh yang berkaitan pada masa tersebut.

4. Dapatan Kajian Dan Perbincangan

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti maklumat yang terkandung dalam entri *Dictionary of The Malayan Language* oleh William Marsden (1812) dan *Kamus Dwibahasa Longman* (2009), dan berikutnya merumuskan persamaan dan perbezaan maklumat yang dipaparkan dalam kamus merentas masa. Data kajian terdiri daripada entri kategori kata nama dan kata adjektif dalam *Dictionary of The Malayan Language* (William Marsden, 1812) (KWM) dan *Kamus Dwibahasa Longman* (2009) (KDL). Kedua-dua kamus ini dipilih kerana kedua-duanya merupakan kamus yang terkenal dalam

tempoh masa berkaitan. KWM yang terbit pada tahun 1812 mengandungi entri dalam bahasa Melayu – Bahasa Inggeris dan Bahasa Inggeris – Bahasa Melayu. Kamus ini mempunyai keistimewaan berbanding kamus lain yang sezaman dengannya kerana kamus ini dikatakan memberikan penekanan kepada bahagian Bahasa Melayu – Bahasa Inggeris berdasarkan jumlah halamannya yang lebih (371 halaman) berbanding bahagian Bahasa Inggeris – Bahasa Melayu dengan jumlah halaman sebanyak 217. Di samping itu, keistimewaan yang penting dalam kamus KWM ialah contoh-contoh frasa dan ayat yang digunakan dalam kamus ini dipetik daripada tulisan orang Melayu sendiri (Nik Safiah, 2013). Kamus KDL pula dipilih berdasarkan keunikan pendekatan yang diambil oleh penyusun kamus ini berbanding kamus-kamus dwibahasa yang lain. Berdasarkan pendekatan yang dipilih, kamus KDL menyediakan pelbagai kategori kata yang mencukupi dengan makna polisemi dan pelbagai ciri lain yang menjadi nilai tambah. Pemasukan entrinya juga disusun dengan menghimpunkan kata dasar berserta kata turunan dalam satu kelompok. Ringkasnya, kamus ini memuatkan pelbagai ciri yang berupaya menggalakkan pengguna berfikir dengan cara yang berbeza, dan memanfaatkan kreativiti mereka dalam menggunakan kamus.

Setelah dibuat perbandingan antara entri yang dipilih secara rawak daripada abjad Jawi alif dalam KWM dengan entri yang sama dalam KDL, kategori maklumat dalam entri daripada kedua-dua kamus ini dikumpulkan dalam jadual perbandingan. Sebanyak 15 entri dipilih secara rawak untuk diberikan huraian terperinci. Jadual 1 memaparkan jumlah kategori maklumat yang terdapat dalam entri yang dianalisis.

Jadual 1 Ringkasan jumlah kategori maklumat yang terdapat dalam KWM dan KDL

Bil.	Kategori maklumat (Hartmann & James 1988)	KWM		Jumlah	KDL		Jumlah
1.	Maklumat diakronik	1 (adj)*	5 (kn)*	6/15	0	0	0/15
2.	Maklumat sinkronik	4 (adj)	11 (kn)	15/15	4 (adj)	11 (kn)	15/15
3.	Maklumat huraian makna	3 (adj)	11 (kn)	14/15	4 (adj)	10 (kn)	14/15
4.	Maklumat diasistem	0	0	0/15	0	0	0/15

(* adj – entri golongan kata adjektif; kn – entri golongan kata nama)

Maklumat Diakronik dalam KWM dan KDL

Kajian menunjukkan terdapat enam entri dalam KWM yang memaparkan maklumat diakronik, manakala tiada entri dalam KDL memaparkan maklumat diakronik. Contoh maklumat diakronik yang terdapat dalam entri kamus KWM ialah,

اتم *utamã*, H I N D. उत्तम *excellent, perfect, best. Ter-utamã choicest, most perfect. Ter-lebih utamã deri-pada lain eminently superior to the others. Ter-utamã deri-pada segala per-buāt-an the most excellent of all works. Amas utama pure gold.*

Label H I N D. ialah maklumat diakronik kerana label H I N D merupakan maklumat etimologi yang termasuk di bawah kategori maklumat diakronik yang menerangkan bahawa entri perkataan اتم *utama* berasal daripada bahasa Hindu.

H I N D. اچار *achār*, PERS. Pickles. *Achār mañga mango pickles.*

Label PERS. ialah maklumat diakronik kerana label PERS merupakan maklumat etimologi yang termasuk di bawah kategori maklumat diakronik yang menerangkan bahawa entri perkataan اچار *acar* berasal daripada bahasa Parsi.

اثنين *isneian*, AR. *Monday*. (Vid. ثنين *seneian*.)

Label AR. ialah maklumat diakronik kerana label AR merupakan maklumat etimologi yang termasuk di bawah kategori maklumat diakronik yang menerangkan bahawa entri perkataan اثنين *isneian*, berasal daripada bahasa Arab.

Kajian mendapati bahawa hanya maklumat etimologi tentang asal usul kata yang mewakili kategori maklumat diakronik, yang terdapat kamus KWM. Tiada maklumat diakronik lain yang dipaparkan seperti arkaik atau usang yang mewakili penggunaan kata secara kronologi.

Maklumat Sinkronik dalam KWM dan KDL

Kesemua 15 entri yang dikaji dalam KWM dan KDL didapati mempunyai maklumat sinkronik. Contoh maklumat sinkronik dalam kedua-dua kamus berkenaan ialah,

Contoh 1.

آرا *āra* a name for different trees of the fig kind, with entire leaves. From these is procured bird-lime. (KWM)

ara *kn* 1 fig; soft sweet fruit with small seeds, usually eaten dried 2 the tree on which this fruit grows. (KDL)

Contoh 2.

اروان *arūan* a species of fish. (KWM)

haruan *kn* a type of freshwater fish. (KDL)

Contoh 3.

اسلام *islām*. AR. mahometan, mussulman, belonging to the faithful. The faith, mahometanism. Orang *islām* a mahometan. Agama *islām* the mahometan religion. Men-jādi *islām* to become a mussulman or moslem. Bhāru iya māsuk *islām* he is lately converted to or has embraced the faith. (KWM)

Islam *kn* Islam; the Muslim religion mengislamkan *kk* 1 to covert to Islam; to embrace Islam 2 circumcise SIN mengkhatakan; menyunatkan 3 to follow the teachings of Islam keislaman *kn* matters relating to Islam pengislaman *kn* the act of converting to Islam. (KDL)

Ejaan dalam tulisan jawi dan rumi آرا *āra*, اروان *arūan* dan اسلام *islām* dalam Contoh 1, 2, dan 3 di atas merupakan maklumat sinkronik dalam KWM, manakala maklumat sebutan juga diberikan untuk huruf *ā* dalam *āra* dan *islām* manakala sebutan *ū* dalam *arūan*. Dalam kamus KDL pula, maklumat sinkronik dipaparkan dalam ejaan *ara*, *haruan*, dan *islam* dan *kn* iaitu golongan kata bagi setiap entri berkenaan juga termasuk dalam kategori maklumat sinkronik. Kewujudan maklumat sinkronik dalam kesemua entri yang dikaji menandakan bahawa maklumat sinkronik merupakan maklumat yang penting dan perlu ada dalam kamus. Antara maklumat sinkronik yang sering dirujuk dalam kamus ialah ejaan sesuatu kata (Nik Safiah, 2013).

Selain aspek ejaan dan sebutan, aspek golongan kata, iaitu kata adjektif (adj) ditunjukkan dalam kamus KDL, seperti dalam contoh berikut;

harum *adj* 1 fragrant; having a pleasant smell SIN wangi 2 famous; well-known *SIN masyhur; terkenal mengharum *kk* to become fragrant mengharumkan *kk* 1 make fragrant

*SIN mewangikan 2 make renowned mengharumi kk to make fragrant haruman, harum-haruman kn fragrance; scent keharuman kn1 fragrance 2 fame; honour SIN kemasyhuran

asam *adj* sour; sharp taste like unripe fruit *SIN masam asam Jawa kn tamarind; tropical tree; its acidic fruit SB Asam garam 1 life experiences 2 cooking ingredients

hampa *adj* disappointed *SIN kecewa menghampakan *kk* cause disappointment kehampaan *kn* disappointment; feeling of discouragement SB Hampa hati disappointed.

(*SIN - maklumat huraian makna sinonim)

Aspek golongan kata nama (*kn*) pula terdapat dalam entri berikut;

embun *kn* dew; drops of moisture on an outdoor surface that form at night berembun *kk* dewy; wet with dew titisan embun *kn* dewdrops

lintah *kn* leech; small blood-sucking worm SB Lintah darat a money-lender who charges high interests for loans taken by his borrowers,

angsa *kn* 1 goose; web-footed bird larger than a duck 2 swan; a large white bird with a long, slender neck

Aspek terbitan kata dan frasa juga terdapat dalam entri dalam kamus KDL, seperti contoh yang berikut;

Islam *kn* Islam; the Muslim religion mengislamkan *kk* 1 to covert to Islam; to embrace Islam 2 circumcise SIN mengkhatakan; menyunatkan 3 to follow the teachings of Islam keislaman *kn* matters relating to Islam pengislaman *kn* the act of converting to Islam.

Kata terbitan yang terdapat dalam entri *Islam* ialah, *mengislamkan* yang melibatkan penambahan imbuhan lalu membentuk kata kerja (*kk*) mengislamkan.

embun *kn* dew; drops of moisture on an outdoor surface that form at night berembun *kk* dewy; wet with dew titisan embun *kn* dewdrops

Seterusnya, kata terbitan yang terdapat dalam entri *embun* ialah, *berembun* yang melibatkan penambahan imbuhan lalu membentuk kata kerja (*kk*) berembun.

asam *adj* sour; sharp taste like unripe fruit SIN masam asam Jawa kn tamarind; tropical tree; its acidic fruit *SB Asam garam 1 life experiences 2 cooking ingredients

(*SB – maklumat huraian makna idiom atau simpulan bahasa)

Seterusnya gabungan kata yang terbentuk daripada entri *asam* ialah *asam garam* yang membawa maksud idiom atau simpulan bahasa dan maksud polisemi bagi entri asam.

Maklumat Huraian Makna

Kajian mendapati bahawa terdapat pelbagai jenis maklumat huraian makna yang terdapat dalam kedua-dua kamus yang dikaji. Maklumat huraian makna juga merupakan kategori maklumat yang didapati ada dalam 14 daripada 15 entri yang diteliti. Hal ini menunjukkan bahawa maklumat huraian makna merupakan maklumat yang penting dan perlu ada dalam sesebuah kamus sejak dahulu hingga kini. Dapatan ini sejajar dengan pernyataan bahawa kamus terutamanya dirujuk untuk mendapatkan huraian maksud sesuatu kata (Nik Safiah, 2013). Berikut ialah huraian tentang maklumat huraian makna dalam KWM dan KDL.

آرا *āra* a name for different trees of the fig kind, with entire leaves. From these is procured bird-lime.(KWM)

ara kn 1 *fig; soft sweet fruit with small seeds, usually eaten dried* 2 *the tree on which this fruit grows*.(KDL)

Kajian menunjukkan bahawa maklumat huraian makna bagi entri *ara* dalam kedua-dua kamus KWM dan KDL ialah maklumat semantik. Kedua-duanya memberikan takrif analisis yang menyatakan genus dan pembeza dalam huraian masing-masing, iaitu

...trees (genus) of the fig kind, with entire leaves (ciri pembeza) (KWM)

fruit (genus); soft sweet, with small seeds (ciri pembeza) (KDL)

Kedua-dua kamus turut memberikan maklumat tambahan, iaitu

...From these is procured bird-lime (KWM)

...usually eaten dried (KDL). Kamus KDL juga turut memuatkan maklumat polisemi, yang ditandai dengan angka, iaitu

2 the tree on which this fruit grows (KDL). Maklumat ini walau bagaimanapun tidak terdapat dalam KWM.

Perbezaan maklumat yang terdapat dalam kedua-dua kamus ini selari dengan prinsip perkamusan yang menyatakan bahawa kamus merakamkan penggunaan kata berdasarkan penggunaan semasa oleh masyarakat. Misalnya, KWM memasukkan maklumat tambahan tentang buah *fiq* yang dikatakan mengeluarkan getah yang digunakan untuk memikat burung-burung kecil (*procured bird-lime*). Sebaliknya, KDL pula memasukkan maklumat tambahan tentang buah *fiq* yang dimakan setelah dikeringkan (*usually eaten dried*). Maklumat polisemi tentang *ara* yang merujuk pada pokok juga merupakan penggunaan kata *ara* berdasarkan masyarakat pada masa berkenaan.

اروم *arūm* fragrant. (Vid. هاروم *harūm*.) (KWM)

harum *adj* 1 *fragrant; having a pleasant smell* SIN wangi 2 *famous; well-known* SIN masyhur; terkenal mengharum *kk to become fragrant* mengharumkan *kk 1 make fragrant* SIN mewangikan 2 *make renowned* mengharumi *kk to make fragrant* haruman, harum-haruman kn *fragrance; scent* keharuman kn1 *fragrance* 2 *fame; honour* SIN kemasyhuran (KDL)

Kajian menunjukkan bahawa dalam kamus KWM, maklumat huraian makna yang diberikan untuk entri اروم *arum* hanyalah maklumat variasi kata, iaitu هاروم *harūm*. Sebaliknya, kamus KDL memberikan pelbagai maklumat, iaitu maklumat semantik, polisemi, sinonim, terbitan kata, serta idiom. Maklumat semantik dalam huraian dijelaskan seperti yang berikut;

...smell (genus) having a pleasant (ciri pembeza) (KDL)

Maklumat polisemi ialah makna (2) *famous* berserta sinonimnya *well-known*, seterusnya bentuk terbitan frasa, terkenal mengharumkan, mewangikan, mengharumi, harum-haruman, keharuman. Makna idiom turut dipaparkan, iaitu dalam kata masyhur yang turut diikuti dengan terbitan katanya, kemasyhuran.

اسم *asam* sour, acid. The tamarind. Asam rasā-nia its taste is sour. Asam jāwa tamarinds. Meng-asām-i-sinjāta to rub the blade of a weapon with an acid juice in order to produce an effect upon the polish.(KWM)

asam *adj* sour; sharp taste like unripe fruit SIN masam asam Jawa kn *tamarind; tropical tree; its acidic fruit* SB Asam garam 1 *life experiences* 2 *cooking ingredients* (KDL)

Bagi entri اسم *asam*, kajian menunjukkan bahawa dalam kamus KWM, maklumat huraian makna yang diberikan ialah maklumat sinonim, iaitu Tamarind, diikuti dengan maklumat contoh

penggunaan dalam ayat, *Asam rasā-nia* (asam rasanya), maklumat terbitan melalui pengimbuhan, *Meng-asām-i-sinjāta...* (Mengasami senjata...). Sebaliknya, kamus KDL memberikan pelbagai maklumat, iaitu maklumat semantik, sinonim, serta idiom, iaitu Asam garam yang juga membawa makna idiom, iaitu makna pertama bermaksud pahit manis kehidupan yang dilalui, dan makna kedua, makna polisemi, iaitu bahan masakan. Maklumat semantik dalam huraian dijelaskan seperti yang berikut;

...*taste* (genus) *sharp, like unripe fruit* (ciri pembeza) (KDL)

Maklumat Diasistem

Kajian menunjukkan bahawa tiada entri dalam kedua-dua kamus yang dikaji mempunyai maklumat diasistem. Maklumat diasistem ini didapati kurang diberikan perhatian oleh pekamus. Hal ini kerana label seperti status berdasarkan faktor temporal seperti slanga, substandard dan bukan standard, atau berdasarkan stilistik seperti usang, arkaik dan kuno, atau berdasarkan variasi nasional, atau bidang ilmu tidak begitu mendapat perhatian pengguna, dan dari segi ekonomi penerbitan kurang sesuai dimasukkan kerana akan menjejaskan kos penerbitan (Ibrahim, 2005).

Penelitian ringkas terhadap kamus terkini, iaitu Kamus Dewan Perdana (2020) mendapati bahawa berlakunya pertambahan maklumat huraian makna, contohnya dalam entri *ara*. Maklumat huraian yang bertambah ialah maklumat terbitan kata, apabila 10 jenis pokok ara turut dipaparkan, contohnya *ara bumbung, ara gajah, ara kelepong, ara kesinai, ara kuap, dan ara lempung*. Homonim bagi ara juga dipaparkan dalam Kamus Dewan Perdana, iaitu sejenis ikan. Selain itu, maklumat idiom yang baharu turut dimasukkan bagi entri *ara*, iaitu (SB) *bagai menanti ara hanyut, dan menantikan ara tidak bergetah*. Kamus Dewan Perdana (2020) turut memasukkan maklumat diakronik, iaitu etimologi atau asal usul kata, selain tambahan maklumat sinkronik ejaan Jawi. Turut dimasukkan juga ialah label ark (arkaik) iaitu kata yang tidak lagi digunakan pada masa kini, dan maklumat label bidang ilmu, contohnya Lin (linguistik), Sej (sejarah), Tnk (penterbangan), dan Udg (undang-undang). Hal ini membuktikan bahawa dunia perkamusan Melayu dari zaman KWM seterusnya KDL sehinggalah yang terkini, iaitu Kamus Dewan Perdana sentiasa berkembang pesat yang menunjukkan bahawa dunia Melayu telah mempunyai khazanah perkamusan yang mantap berlandaskan ilmu leksikografi yang terkini.

5. Kesimpulan

Hasil kajian memaparkan beberapa persamaan dan perbezaan yang dapat dijelaskan berpandukan prinsip-prinsip perkamusan. Maklumat diakronik didapati bukanlah jenis maklumat yang popular kerana jumlah entri yang memasukkan maklumat tersebut adalah rendah, begitu juga halnya dengan maklumat diasistem. Hal ini kerana keperluan terhadap maklumat asal usul kata agak rendah, kerana kurangnya pengguna yang merujuk kamus untuk tujuan mendapatkan maklumat etimologi. Namun demikian, aspek etimologi ini tidak kurang pentingnya dan perlu diperdalam dan dipergiat lagi kajian tentangnya. Seterusnya, maklumat sinkronik pula tidak banyak menunjukkan perbezaan. Hal ini dijangkakan kerana ciri-ciri penggunaan bahasa yang merujuk semasa serta aspek-aspek yang tercakup dalam maklumat sinkronik masih kekal sejak dahulu. Maka, pekamus masih mengekalkan cara yang sama dalam memasukkan maklumat sinkronik. Prinsip perkamusan yang menyatakan bahawa kamus merupakan himpunan kosa kata sesuatu bahasa dalam tempoh masa tertentu dibuktikan melalui contoh-contoh penggunaan kata yang berbeza berdasarkan penggunaan kata tersebut mengikut semasa. Hal ini juga membuktikan berlakunya perkembangan perkamusan yang dikenal pasti daripada aspek mikrostrukturnya iaitu takrif. Kajian ringkas ini telah memaparkan berlakunya pertambahan maklumat huraian makna sesuatu kata berdasarkan konteks semasa penggunaannya, sejajar dengan prinsip perkamusan yang merakam kosa kata mengikut penggunaan semasa oleh masyarakat. Pertambahan maklumat dalam huraian kamus ini dapat memberikan gambaran mengenai sejarah dan aktiviti sosial masyarakat yang memaparkan

perubahan dalam masyarakat pada satu-satu masa dan lazimnya dapat dilihat melalui perubahan dalam penggunaan bahasa. Kajian ini dapat membuktikan bahawa ilmu leksikografi dapat dimanfaatkan dalam memberikan kefahaman kepada pengguna bahasa tentang pemaknaan asal sesuatu kata serta penjelasan tentang sebab berlakunya perubahan sesuatu kata akibat perubahan sosial dan budaya sesebuah masyarakat.

Rujukan

- Adisti Dwi Utami, Tri Indri Hardini & Yuliarti Mutiarsih (2019). Leksikografi Kamus Dwibahasa Prancis-Indonesia Khusus Bidang Bisnis. *Linguistik Indonesia*, 37(1): 46-60.
- Anida Nasukaa & Siti Nuur Roihan Saidin (2014). Kekuatan dan Kelemahan Kamus Dwibahasa dalam Membantu Penterjemah. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 134: 364 – 372.
- Ibrahim Ahmad. (2005). *Perkamusan Melayu – Teori dan Amali*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Intan Safinaz Zainudin, Nor Hashimah Jalaluddin & Imran Ho Abdullah (2014). Analisis Frame Semantics untuk Makna dan Padanan Kamus Dwibahasa Melayu-Inggeris: Entri Kata Kerja "Mengambil". *Kemanusiaan* 21(2): 1–20.
- Dewan Bahasa dan Pustaka (2020). *Kamus Dewan Perdana*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lee Pin Ling dan Goh Sang Seong. (2020). Perbandingan Kata Kerja Berimbuhan meN- Bahasa Melayu dan Padanannya dalam Bahasa Cina. *Jurnal Bahasa*: 20(1), 21-48.
- Löckinger, G. et.al. (2015). Intensional definitions. In: Kockaert, H.J., Steurs, F. (Eds). *Handbook of Terminology Volume 1*. Amsterdam: John Benjamins Publishing.
- Longman Kamus Dwibahasa (2009). Petaling Jaya: Pearson, Malaysia.
- M. Romdon Asy'ari & Anna Dewanti (2015). Monolingual Dictionary vs Bilingual Dictionary Effectiveness and Dictionaries Features Toward Students' Writing Text in Islamic Senior High School International Standard of Amanatul Ummah. *Anglicist*, 4(2): 100-109.
- Marsden, W. (1812). *Dictionary of The Malayan Language*. London.
- Mashudi Kader. (2009). Some Aspect of Seventeenth Century Malay via Thomas Bowrey's Bilingual Dictionary Published in 1701. *Jurnal Kemanusiaan*, Jilid 16: 83-114.
- Mohamad Suhaizi Suhaimi & Nazri Mustapha Dawan. (2018). Pengkaedahan Susun Atur Dalam Kamus Dwibahasa. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*: 20(1)27-37.
- Nazilah Mohamad, Karim Harun dan Nor Hasimah Ismail. (2017). Perubahan Makna dan Sosial Budaya dalam Masa 200 Tahun: Penelitian terhadap Perkamusan Melayu. *Jurnal Mahawangsa*, 4(1): 49-62.
- Nik Safiah Karim. (2013). *Sepintas Lalu Perkamusan Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Noor Azizah Othman. (2019). Analisis Entri "A" Kamus Thomas Bowrey 1701. *Jurnal Bahasa*, Jilid 19(2): 259-284.
- Nor Azhan Norul 'Azmi (2017). Analisis Perbandingan Terjemahan Kata Partikel Arab Melayu. *al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 2(2): 68-80.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2018). Teaching and Learning Lexicography: Theory and Practice. *Jurnal Linguistik*, Jilid 22(1): 018-023.
- Rahim Aman. (1998). Orang Melayu abad ke-17: Kajian Lanjutan Kosa Kata Arkaik, Morfologi dan Perubahan Makna Kamus Bowrey. *Jurnal Bahasa*, 40(1): 1022-1033.
- Seppala, S., Rutterberg, A. & SmitH, B. (2017). Guidelines For Writing Definitions in Ontologies. *Ci.Inf., Brasilia, DF*. 46 (1): 73-88.

Biodata Penulis

Datin Dr. Hasnah binti Mohamad

Alamat : Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM Serdang, 43400 Serdang, Selangor

Pensyarah Kanan di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM. Mempunyai kepakaran dalam bidang Linguistik Terapan dari UKM. Pernah bertugas di Dewan Bahasa dan Pustaka selama 15 tahun, dan dipinjamkan ke *Hankuk University of Foreign Studies, Korea* untuk mengajar bahasa Melayu. Kajian beliau tertumpu kepada bidang terminologi, terminografi dan leksikografi.